

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 22 SEPTEMBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 6**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1441-L11532  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah mengatasi serta jumlah kes pelanggaran status makanan serta produk halal sama ada import daripada luar negara atau keluaran dalam negara. Nyatakan prosedur untuk mendapatkan sijil halal dan jawapan kepada tuduhan prosesnya mengambil masa yang lama.
  
2. PR-1441-L11724  
**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status kebolehpayaan alatan hospital Kerajaan yang digunakan untuk merawat pesakit COVID-19.
  
3. PR-1441-L12526  
**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha dan langkah-langkah Kerajaan bagi mengawal pendatang asing tanpa izin (PATI) yang dibawa masuk oleh ejen yang tidak bertanggungjawab dan telah dikenal pasti sebagai satu punca penularan COVID-19 di Sarawak.
  
4. PR-1441-L11462  
**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan peranan yang telah dimainkan oleh MARA dalam membantu golongan peniaga kecil dari kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negeri Sabah yang terkesan dengan arahan penutupan sektor ekonomi tertentu sepanjang tempoh darurat.

5. PR-1441-L11444  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan Pusat Penilai COVID-19 atau *COVID-19 Assessment Centre* (CAC) yang telah ditubuhkan, dibuka dan beroperasi di seluruh negara dan nyatakan bilangan atau kapasiti pesakit COVID-19 yang boleh dirawat di CAC ini serta nyatakan prestasi dan keberkesanan CAC ini dalam merawat pesakit COVID-19.
6. PR-1441-L12356  
**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) tahap pelunasan komitmen Kerajaan serta perincian usaha setakat ini dalam kajian semula gaji minima, seperti dimaklumkan Perdana Menteri semasa ucapan Hari Buruh 2021; dan
  - (b) nyatakan juga sama ada Kerajaan mengambil kira pewujudan gaji sara hidup seperti Luxembourg dan Australia.
7. PR-1441-L11620  
**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [ Cameron Highlands ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian berhubung isu kesihatan mental para anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).
8. PR-1441-L12288  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa jumlah unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang telah siap dibina serta yang dalam perancangan untuk dibina di antara 2018 hingga ke hari ini.
9. PR-1441-L12079  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang paling efektif dan holistik bagi menangani kes-kes pengangguran dalam kalangan rakyat dan sejauh mana persediaan Kerajaan menangani impak jumlah pengangguran yang semakin meningkat menjelang tahun 2022.

10. PR-1441-L11574  
**Puan June Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan situasi pekerjaan belia ketika penularan wabak COVID-19. Apakah inisiatif Kementerian bagi membantu belia yang terjejas akibat pandemik COVID-19 terutamanya isu pekerjaan.
11. PR-1441-L12334  
**Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sekiranya ada perancangan terbaharu untuk membina sebuah balai bomba di Pulau Bruit. Beberapa kes kebakaran telah terjadi seperti kebakaran hutan dan kebakaran *total* sebuah masjid di Kampung Semop menunjukkan keperluan sebuah balai bomba dibina di Pulau Bruit dengan kadar segera.
12. PR-1441-L12564  
**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status siasatan ke atas kematian Pegawai Kastam Anisah Ali semasa bertugas tahun 2016 serta status siasatan ke atas kes Raymond Koh, Amri Che Mat, Joshua Helmy, Ruth Sitepu serta Muhammad Riduan Abdullah yang menculik anak Indira Gandhi.
13. PR-1441-L12328  
**Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah inisiatif yang boleh diambil oleh Kementerian berkenaan sukan E-sport yang dilihat mampu menjana pendapatan dalam kalangan belia luar bandar.
14. PR-1441-L12234  
**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan rancangan Kerajaan dari segi peruntukan bagi kos bina baru sistem paip bekalan air graviti dan kos penyelenggaraan di kawasan luar bandar bagi bekalan air graviti yang sedia ada yang amat diperlukan dan nyatakan dengan jelas agensi Kerajaan yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan projek sebegini.
15. PR-1441-L12188  
**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha semasa Kementerian untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan bakal pengundi muda atau baharu terutamanya mereka yang menjelang umur 18 tahun.
16. PR-1441-L11583  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berkenaan pekerja asing di sektor restoran:-
  - (a) apakah syarat dan jumlah terkini; dan

(b) kelayakan dan proses penukaran pekerja asing daripada sektor lain.

17. PR-1441-L11723

**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina Jalan Nanga Gaat ke Rumah Gare, Nanga Kain, Baleh, Kapit, Jalan Nanga Mujong ke Bandar Baru Tunoh, Baleh, Kapit dan Jalan ke Ulu Jelalong, Tubau, Bintulu.

18. PR-1441-L11457

**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan akan isu berkaitan sijil kelahiran dan kewarganegaraan. Pada masa ini didapati permohonan tidak dapat diselesaikan memandangkan ramai kakitangan berkaitan masih dalam fasa "Work from home". Mohon berikan penjelasan.

19. PR-1441-L12520

**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-

(a) kaedah pemantauan yang dibuat terhadap peniaga atas talian di medium media sosial yang gagal mempamerkan harga barangan serta perkhidmatan dan statistik terkini peniaga atas talian yang telah diambil tindakan akibat kesalahan tersebut mengikut pecahan medium media sosial; dan

(b) adakah Kementerian melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap peniaga atas talian yang menjual barangan cetak rompak melalui platform jualan atas talian dan juga di media sosial.

20. PR-1441-L11827

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pendatang asing tanpa izin yang telah ditahan sejak Mac 2020 sehingga kini. Apakah jenis tindakan yang dikenakan kepada mereka.

21. PR-1441-L11799  
**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam menyuntik semangat para petugas "*frontliners*" yang kian tertekan agar terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang memandangkan mereka ini sentiasa terdedah dan berisiko dengan jangkitan virus COVID-19 semasa bertugas.
22. PR-1441-L11748  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selangor ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menyediakan peralatan dan kemudahan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang menjadi *frontliners* untuk menangani pandemik COVID-19.
23. PR-1441-L12281  
**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan perancangan bagi mengawal harga pasaran kit ujian sendiri COVID-19 yang terlalu mahal sehingga membebankan para pengguna.
24. PR-1441-L12421  
**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan pecahan jenis perniagaan yang tidak dapat bertahan dan telah menutup perniagaan mereka dalam tempoh pandemik dan usaha Kementerian bagi membantu mereka untuk bangkit semula.
25. PR-1441-L11619  
**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [ Cameron Highlands ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak terlepas daripada menerima semua bantuan serta inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan ketika pandemik COVID-19.
26. PR-1441-L11819  
**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [ Hang Tuah Jaya ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah wujud perancangan untuk membangunkan program khas pembangunan sukan di negeri Melaka susulan kejayaan jurulatih sukan angkat berat melatih Hidilyn Diaz merangkul emas pertama buat negara Filipina serta kemenangan anak Melaka iaitu Aaron Chia merangkul pingat gangsa di Sukan Olimpik 2020.

27. PR-1441-L11695  
**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha lanjut Kerajaan untuk menggubal dasar mewajibkan suntikan vaksin imunisasi COVID-19 ke atas seluruh rakyat Malaysia dan apakah cadangan tindakan undang-undang mengikut peruntukan sedia ada yang boleh dikenakan ke atas mereka yang menolak untuk divaksinasi.
28. PR-1441-L12635  
**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa pihak polis telah mengheret seorang warga emas dari Negeri Sembilan ke Kedah untuk siasatan ke atas kritikan beliau terhadap Menteri Besar Kedah, terutamanya semasa wabak COVID-19 sedang menular dengan meluas.
29. PR-1441-L11953  
**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status terkini Pembinaan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Serian, Sarawak.
30. PR-1441-L11942  
**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian ada perancangan untuk melakukan saringan mega atau ujian secara besar-besaran dalam komuniti untuk mengenal pasti mereka yang positif COVID-19 agar langkah-langkah kuarantin dan sebagainya boleh disusuli dengan segera. Berikan huraian terhadap keputusan Kerajaan.
31. PR-1441-L12335  
**Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang status terkini pembinaan klinik kesihatan di Kampung Semop. Ini kerana dalam Sidang Dewan Rakyat yang lepas, Menteri memaklumkan bahawa klinik ini sudah ditender dan akan dimulakan pembinaan secepat mungkin.
32. PR-1441-L11591  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa kompaun PKP yang telah dikeluarkan serta antaranya berapa yang sudah dibayar, belum dibayar dan dibicara di mahkamah.

33. PR-1441-L11979

**Dato' Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [ Beaufort ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana Kementerian dapat memastikan pengesanan kontak rapat kes positif COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera adalah jitu memandangkan terdapat kes-kes kontak rapat yang tidak dihubungi dan dikemaskini dalam sistem MySejahtera.

34. PR-1441-L11813

**Tuan R. Sivarasa [ Sungai Buloh ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapa selepas kes-kes baru COVID-19 telah mula naik ke jumlah ribuan selepas pilihan raya negeri Sabah, Kerajaan tidak membuat persediaan awal untuk menambahkan semua sumber di hospital awam dan sediakan semua hospital swasta supaya kalau kes-kes meningkat secara mendadak sehingga 20,000 macam sekarang, sektor kesihatan kita telah sedia dengan kelengkapan katil ICU, katil biasa, peralatan oksigen dan sumber manusia dan tidak akan menghadapi tekanan keterlaluan dan teruk macam sekarang.

35. PR-1441-L12154

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh mana kerjasama yang dilaksanakan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam isu harga runcit kit ujian sendiri COVID-19 agar tidak membebankan rakyat terutama golongan B40.

36. PR-1441-L11986

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) data dan pencapaian yang telah dicapai dalam skim PENJANA untuk Pembangunan Sumber Manusia di mana Kerajaan telah memperuntukkan RM250 juta untuk skim ini; dan
- (b) adakah geran ini telah digunakan sepenuhnya dan menyatakan jumlah pekerja yang telah dimanfaatkan dan memperolehi pekerjaan melalui skim ini.

37. PR-1441-L11745

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa polis menghalang ahli-ahli Parlimen memasuki bangunan Parlimen pada 2 Ogos, 2021 dan siapa yang mengarahkan pihak polis berbuat demikian.

38. PR-1441-L12441  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kaunselor bertauliah, pakar psikologi dan psikiatri dalam Malaysia dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan jumlah mereka bagi memenuhi keperluan yang kian meningkat di kalangan rakyat Malaysia untuk perkhidmatan mereka.
39. PR-1441-L12567  
**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapa di kalangan negeri seperti Kelantan dan Kedah, terdapat banyak kluster yang telah dilaporkan lebih dari sebulan dari tarikh pengesanan kes indeks? Adakah ini satu kegagalan *contact tracing* dan apakah akibat kelewatan pentakrifan ini.
40. PR-1441-L11921  
**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah derma dari segi nilai barangan dan tunai yang diberikan oleh pihak swasta dan masyarakat umum kepada hospital, klinik kesihatan, pusat kuarantin dan PPV mengikut pecahan agensi dan negeri sejak tahun 2020.
41. PR-1441-L11649  
**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) justifikasi di sebalik kenaikan kadar harian jangkitan COVID-19 yang turut selari dengan peningkatan kadar vaksinasi Kebangsaan; dan
  - (b) jaminan terhadap keberkesanan (*efficacy*) setiap satu vaksin yang dibekalkan bagi kegunaan umum, termasuk vaksin yang diluluskan oleh NPRA secara bersyarat.
42. PR-1441-L11557  
**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini pemilikan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di negeri Kedah:-
- (a) apakah punca kelewatan penyerahan unit rumah kepada pemilik; dan
  - (b) jumlah rumah PPR di seluruh negara, khususnya di Kedah yang belum diserahkan.

43. PR-1441-L12472  
**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kesan positif dari program kemahiran dan peningkatan kemahiran dari pakej PRIHATIN memandangkan peratusan kadar pengangguran terus meningkat kepada 4.8% bagi suku kedua tahun 2021.
44. PR-1441-L11567  
**Puan June Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan baru akan meneruskan pembentangan Rang Undang-Undang Tata Kelakuan Polis (IPCC) serta memansuh atau meminda Akta Hasutan 1948.
45. PR-1441-L11777  
**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [ Pulai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah terdapat penambahbaikan perkhidmatan kesihatan mental yang ditawarkan kepada rakyat memandangkan ramai yang terjejas kesihatan mental akibat tekanan hidup dalam krisis COVID-19.
46. PR-1441-L12637  
**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah terkini kehilangan pekerjaan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang berlarutan terlalu lama, untuk setiap bulan sejak Januari 2021.
47. PR-1441-L11895  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah *preliminary findings* dalam kajian Ivermectin dalam rawatan COVID-19 yang dijalankan di Malaysia.
48. PR-1441-L12551  
**Tuan Khalid bin Abd Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perincian mengenai semua permohonan pembaikkan infrastruktur dan bumbung bagi perumahan kos rendah dan sederhana yang telah dilaksanakan dan menggunakan bajet Kementerian bagi kawasan Parlimen Shah Alam bagi sepanjang tahun 2020 sehingga 2021.
49. PR-1441-L11854  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah terperinci yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu kadar pengangguran yang telah meningkat kepada 4.8% dalam bulan Jun, 2021 sepertimana yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia baru-baru ini.

50. PR-1441-L11631  
**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejak program vaksinasi bermula, kesan sampingan dari mereka-mereka yang telah mengambil vaksin meningkat. Dari masalah kepada jantung, pembekuan darah (*thrombosis*), demam yang tiada henti, sakit saraf/*seizure* yang tenat hinggalah kematian. Hampir semua kes-kes di atas akan dicatat sebagai jangkitan COVID-19. KKM sewajarnya menjalankan *postmortem* yang telus dan terperinci ke atas kes-kes ini untuk mengenalpasti sebab ianya berlaku. Mohon penjelasan.
51. PR-1441-L11931  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kapasiti maksimum, kadar kemasukan kes ke wad, jumlah penggunaan katil ICU dan kecemasan di HTAR, Klang. Apakah nisbah pembantu perubatan, jururawat dan doktor secara berasingan kepada pesakit COVID-19 serta bilangan pesakit COVID-19 menerima rawatan mengikut kategori dan bilangan kematian di HTAR, Klang.
52. PR-1441-L11861  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan memansuhkan atau meminda Akta Hasutan, 1948.
53. PR-1441-L12380  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit yang mengalami kesan sampingan yang serius, yang memerlukan rawatan jangka masa panjang, dan jumlah yang meninggal disebabkan vaksinasi COVID-19.
54. PR-1441-L11673  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa banyak bilangan majikan yang telah diambil tindakan akibat menghentikan pekerja-pekerja sejak Perintah Kawalan Pergerakan mula dikuatkuasakan dari tahun 2020 sehingga sekarang.
55. PR-1441-L12434  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi jaminan tidak akan mengambil tindakan terhadap warga asing tidak berdokumen atau kebenaran mereka berada di Malaysia telah tamat tempoh jika mereka keluar untuk mendapat suntikan vaksin COVID-19.

56. PR-1441-L11834  
**Tuan Su Keong Siong [ Kampar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini cadangan pembinaan Hospital Kampar yang telah diperuntukkan dan diluluskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan sejak Oktober 2019. Adakah Kerajaan telah membatalkan pembinaan Hospital Daerah Kampar tersebut.
57. PR-1441-L12243  
**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) status terkini pelaksanaan Program Pembiayaan Sewa untuk Milik (RTO) yang telah diperuntukkan dalam Belanjawan 2021; dan
  - (b) rangka masa KPKT menggubal satu Akta Sewaan Kediaman dan model yang digunakan untuk menggubal akta ini.
58. PR-1441-L11837  
**Tuan Su Keong Siong [ Kampar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci jumlah permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A, 15(2) dan 19(1) Perlembagaan Malaysia yang tertangguh dan/atau belum dalam proses pertimbangan dari tarikh Mac 2020 sehingga Ogos 2021.
59. PR-1441-L11947  
**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan inisiatif yang diambil bagi memastikan pekerja ekonomi gig tidak dieksploitasi oleh syarikat teknologi gergasi.
60. PR-1441-L12438  
**Datuk Ignatius Darell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perkembangan pelaksanaan Program Subsidi Upah (PSU) 4.0, Penjana Kerjaya 3.0, dan Elaun Mencari Pekerjaan (EMP SIP PRIHATIN 2.0) sejak Malaysia sedang mengalami kadar pengangguran sebanyak 4.8% iaitu kadar pengangguran yang amat tinggi dan membimbangkan.
61. PR-1441-L12508  
**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) status Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) dan reformasi utama; dan
  - (b) memberikan satu garis masa yang jelas untuk membentangkan Rang Undang-Undang tersebut.

62. PR-1441-L12393  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengenai pelan Kementerian untuk memperkenalkan COVID-19 “*booster dose*” dan juga vaksinasi kanak-kanak dan juga satu “*advisory*” untuk penggunaan “*neutralising antibody test*” yang semakin banyak di pasaran swasta.
63. PR-1441-L11994  
**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah dan dasar untuk mengawal pekerja asing dalam sektor perindustrian dan sektor lain supaya tidak berlaku diskriminasi kepada pekerja tempatan, terutamanya semasa kadar pengangguran yang amat tinggi.
64. PR-1441-L11600  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan untuk memberi vaksinasi yang penuh ke atas golongan yang alergik vaksin dan kanak-kanak yang tercicir dari program vaksinasi berbanding dengan golongan rakyat yang mendapat 2 dos vaksin.
65. PR-1441-L11788  
**Datuk Mohd. Azis bin Jamman [ Sepanggar ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah terkini rumah yang tidak terjual di seluruh Malaysia dan apakah mekanisme Kementerian bagi mengawal pemaju daripada membina projek perumahan yang tidak bertepatan dengan kehendak dan kemampuan rakyat secara berterusan.
66. PR-1441-L11899  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibul ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan projek modular ICU yang akan dibina di Hospital Sibul, adakah projek ini masih aktif; ataupun dana projek itu boleh digunakan untuk menaik taraf ICU yang sedia ada untuk meningkatkan kapasitinya.
67. PR-1441-L11607  
**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejajar dengan perkembangan terbaru, sama ada Kerajaan akan melaksanakan suntikan vaksin dos ke-3 untuk lawan COVID-19 untuk meningkatkan daya imuniti untuk rakyat Malaysia dan sama ada Kerajaan akan melaksanakan polisi suntikan vaksin COVID-19 wajib ke atas penjawat awam serta rakyat jelata.

68. PR-1441-L11559  
**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jelaskan kadar pengangguran negara pada tahun ini dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun lalu :-  
(a) pecahan mengikut negeri; dan  
(b) pecahan mengikut sektor.
69. PR-1441-L11814  
**Tuan R. Sivarasa [ Sungai Buloh ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah kakitangan Kementerian dan Kerajaan yang terlibat dalam kerja mengenal pasti kontak (*contact tracing*) dan untuk setiap bulan daripada November 2020 ke Ogos 2021, berapa kontak rapat yang telah dikenalpasti untuk kes-kes COVID-19 yang baru.
70. PR-1441-L12527  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah varian-varian terbaru COVID-19 dan adakah vaksin-vaksin yang sedia ada berkesan terhadap varian-varian baru ini. Sekiranya tidak, apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.
71. PR-1441-L12601  
**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan status terkini semua siasatan terhadap semua ahli politik yang didakwa telah melanggar SOP sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dikenakan di seluruh negara. Antaranya dakwaan ahli politik di majlis makan beramai-ramai, makan *dine-in* di dalam premis kedai makan dan tidak memakai pelitup muka di tempat awam.
72. PR-1441-L11654  
**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi menaik taraf fasiliti-fasiliti di Hospital Kota Belud serta menstrukturkan semula penempatan doktor-doktor pakar di seluruh negeri Sabah amnya dan Kota Belud khususnya.
73. PR-1441-L12107  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan tentang pengagihan dana MITRA bagi tahun 2021 secara terperinci. Apakah pembaharuan-pembaharuan yang telah dibuat dalam pengagihan dana ini sebagai usaha mempertingkatkan kedudukan sosioekonomi kaum India.

74. PR-1441-L12558  
**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian Kesihatan akan memaklumkan jumlah ujian genomik yang telah dilakukan oleh KKM dan kapasiti KKM membuat ujian ini.
75. PR-1441-L11639  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kadar kematian yang melibatkan kejadian memandu di bawah pengaruh alkohol dan dadah berbanding dengan kadar kematian akibat kategori kemalangan yang lain untuk tempoh 5 tahun yang lepas.
76. PR-1441-L12282  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Malaysia berniat untuk melaksanakan program pemberian vaksin dos ketiga (*'booster shot'*), dan adakah program vaksinasi ini juga akan diperluas kepada kumpulan di bawah umur 18 tahun.
77. PR-1441-L11839  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi suntikan ketiga akan dilaksanakan. Jika ya, apakah pelan pelaksanaannya. Perincian penjadualan agihan mengikut negeri berserta jenis vaksin yang bakal terlibat.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Dato' Hajah Azizah Binti Mohd Dun [ Beaufort ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya : -

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Keempat Belas."

**Menyambung semula perbahasan atas masalah (21 September 2021)**

- |    |                 |   |                               |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 2. | ( D.R 24/2020 ) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020          | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>   |                               |
| 3. | ( D.R 13/2020 ) | Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Sumber Manusia ]</b>                                     |                               |
| 4. | ( D.R 14/2020 ) | Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020               | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Sumber Manusia ]</b>                                     |                               |
| 5. | ( D.R 15/2020 ) | Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020                      | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi ]</b>                       |                               |
| 6. | ( D.R 12/2020 ) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020          | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Dalam Negeri ]</b>                                       |                               |

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM16,500 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang Pembangunan".

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM7,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang COVID-19".

9. PR-1441-U(27)201

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya meminda Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan tatacara pembatalan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat."

**[ Perdana Menteri ]**

10. PR-1441-U(27)202

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** akan mencadangkan :-

"Kerajaan Persekutuan supaya melakukan pindaan Perlembagaan terhadap Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa Kerajaan-Kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam dan juga aktiviti kegiatan ekonomi."

**[ Perdana Menteri ]**

11. PR-1441-U(27)203

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Merasai penderitaan rakyat akibat kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, kehilangan sumber pendapatan, serta kesukaran meneruskan pembelajaran dan pengajaran dalam sistem persekolahan yang sedia ada;

Menyedari pelbagai masalah dan kecelaruan dalam pembuatan serta pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan di peringkat Kampung;

Menyedari hakikat bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara yang ada terbukti tidak dapat merangkumi secukupnya suara pembangkang Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membentuk muafakat rentas-parti dan rentas Kerajaan yang berkesan untuk menangani pemulihan ekonomi dan kesihatan;

Mengambil maklum dasar dan SOP yang diperlukan untuk menangani wabak COVID-19 mungkin tidak popular pada permulaan dan hanya boleh berjaya jika tanggungjawab politik ditanggung bersama oleh semua parti politik dan Kerajaan negeri sebagai Tim Malaysia untuk meyakinkan masyarakat;

Mengambil maklum pemusatan kuasa dalam bidang kesihatan dan kesihatan awam di bawah Jadual ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menghindari Kerajaan-Kerajaan negeri daripada memberikan sumbangan yang lebih besar dalam melawan wabak COVID-19; dan

Menerima hakikat peri pentingnya pandangan dan sokongan Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar, pemimpin-pemimpin kanan parti Pembangkang dan pakar-pakar dalam masyarakat, sektor profesional dan sektor swasta untuk membantu Menteri-Menteri Persekutuan dan pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis dalam pembuatan keputusan dasar serta SOP yang inklusif;

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk mencadangkan Kerajaan supaya menubuhkan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DAN KESIHATAN RAKYAT dengan terma-terma seperti berikut:-

1. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang Parlimen sebagai timbalan pengerusi;
2. Dianggotai oleh tiga kumpulan: Pertama, sejumlah menteri termasuk Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pelancongan, Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak; Kedua, ahli-ahli parlimen pembangkang yang menggambarkan kepelbagaian parti dan dalam jumlah yang sama; dan ketiga, semua Ketua Menteri dan Menteri Besar daripada 13 buah negeri;

3. Menerima input profesional dan kepakaran daripada sektor ekonomi, kesihatan awam dan pendidikan bersama-sama pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis; dan

4. Bermesyuarat setiap minggu sebelum mesyuarat Kabinet untuk menerima laporan dan mengambil tindakan atas perkara-perkara seperti pengangguran dan penutupan perniagaan, jangkitan, kemasukan hospital (*hospitalization*) dan kematian akibat COVID-19, prestasi vaksinasi rakyat ; Pelaksanaan SOP, keadaan persekolahan dan prestasi sektor utama ekonomi;

DAN bersetuju untuk menuntut Perdana Menteri melaporkan status penubuhan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI dalam tempoh 60 hari daripada usul ini dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia ini. "

**[ Perdana Menteri ]**

12. PR-1441-U(27)204

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Usul Menambah 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai tambahan kepada 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada.

Menerima hakikat bahawa terdapat 20 lagi portfolio dalam Kementerian-Kementerian yang belum lagi dimasukkan dalam 9 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang sudah ditubuhkan.

Menyedari tuntutan rakyat agar Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan untuk memastikan agar duit cukai mereka digunakan sebaik-baik mungkin untuk kesejahteraan rakyat.

Menyedari juga kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen sebagai tonggak pelaksanaan institusi parlimen sebagai semak dan imbang terhadap Kerajaan dan

Menerima hakikat bahawa masih ada 88 Ahli Dewan Rakyat serta sebilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang belum dilantik dalam mana-mana Jawatankuasa Parlimen.

Maka saya dengan ini (bagi pihak 55 Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua mohon supaya ditubuhkan 13 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen) meminta supaya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen seperti berikut: Sekiranya jumlah MP bagi setiap PSSC tidak ditambahkan, kami menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan 13 PSSC baharu bagi portfolio-portfolio berikut:

No	Portfolio Menteri	PSSC Sepadan Diperlukan
1	JPM - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak	Federalisme dan Desentralisasi*
2	JPM - Hal Ehwal Agama	Hal Ehwal Agama*
3	Hal Ehwal Luar Negeri	Hal Ehwal Luar Negeri
4	Alam Sekitar dan Air	Alam Sekitar dan Air
5	Tenaga dan Sumber Asli	Tenaga dan Sumber Asli
6	Pengangkutan	Pengangkutan**
7	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
8	Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan
9	Sumber Manusia	Sumber Manusia
10	Komunikasi dan Multimedia	Komunikasi dan Multimedia
11	Belia dan Sukan	Belia dan Sukan
12	Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan, Seni dan Budaya
13	Perpaduan Negara	Perpaduan Negara
14	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Pembangunan Usahawan dan Koperasi

**[ Perdana Menteri ]**

13. PR-1441-U(27)205

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuan ]** akan mencadangkan :-

"Usul Pindaan Perlembagaan Pasal 1(2).

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dalam Kerajaan yang lalu sudah pun mengumumkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah *equal partner* persekutuan Malaysia. Dan

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin juga telah mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai Wilayah. Dan

Menyedari pelbagai kekeliruan di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata telah timbul akibat daripada siri pengumuman tersebut.

Menerima hakikat bahawa rakyat Sabah dan Sarawak sudah sekian lama membuat tuntutan agar kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* ditunai dan dilaksanakan melalui perundangan. Dan

Menerima hakikat tentang sebutan asal Perlembagaan Persekutuan sebenarnya sudah mengambil kira kedudukan Sabah tersebut sebelum pindaan Pasal 1(2) dilakukan pada tahun 1976.

Maka dengan itu Dewan yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar Kerajaan membentangkan pindaan terhadap Pasal 1(2) dengan memasukkan kehendak dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam sesi persidangan parlimen kali ini."

**[ Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2021</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DR. 2	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen Keempat Belas terhadap Tindakan Susulan Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bagi Syor-Syor Laporan PAC Parlimen (DR 9/2019) berhubung Program Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (FINAS)  1. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) 2. Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS)	22 September 2021
ST. 14	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) Bagi Tahun 2019	22 September 2021
ST. 22	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji Bagi Tahun 2019	22 September 2021
ST. 24	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan Bagi Tahun 2019	22 September 2021
ST. 32	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan PR1MA Malaysia Bagi Tahun 2019	22 September 2021
ST. 34	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia Bagi Tahun 2020	22 September 2021
ST. 37	Laporan Tahunan Dan Penyata Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2019	22 September 2021
ST. 38	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tahun 2019	22 September 2021
ST. 39	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2019	22 September 2021

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2021</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 100	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan Bagi Tahun 2019	22 September 2021
ST. 118	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka Bagi Tahun 2019	22 September 2021

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 22.09.2021 (Rabu)	1. YB Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)	1. Perubahan Kriteria Program MM2H	1. YB Menteri Dalam Negeri
2. 22.09.2021 (Rabu)	2. YB Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)	2. Peruntukan Untuk Pembangunan Dan Naik Taraf Besar Hospital Besar Pulau Pinang	2. YB Menteri Kesihatan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**